

**PUSAT KESEDARAN WANITA, PULAU PINANG
(WOMEN’S CENTRE FOR CHANGE, PENANG)**

**CADANGAN UNDANG-UNDANG KESAKSAMAAN GENDER
 (“PROPOSED GENDER DISCRIMINATION ACT”)**

I. Soalan khusus yang ingin dibangkitkan

Apakah status usaha cadangan undang-undang kesaksamaan gender (“Gender Equality Act”) di tahap Kabinet dan di tahap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

II. Latar belakang dan kronologi peristiwa

<u>Tahun</u>	<u>Peristiwa</u>
1995	: Ratifikasi Konvensyen CEDAW Kerajaan Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen CEDAW (Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women) pada tahun 1995.
2001	: Pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan Pada tahun 2001, Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah dipinda untuk melarang pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab jantina, melalui penambahan perkataan “jantina” dalam peruntukan tersebut.
2003	: Keputusan kes <i>Beatrice Fernandez v Sistem Penerbangan Malaysia</i> [MAS]& Satu Lagi di Mahkamah Persekutuan Kes <i>Beatrice Fernandez</i> merupakan kes utama yang menunjukkan bahawa tafsiran Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan oleh Mahkamah Persekutuan adalah amat terhad.

Fakta dan latar belakang kes secara ringkasnya adalah seperti berikut :

Beatrice Fernandez adalah seorang pramugari yang telah memasuki perjanjian pekerjaan kolektif dengan MAS. Perjanjian tersebut menjadikannya wajib bagi seseorang pramugari untuk meletak jawatan sebaik sahaja ia mengandung, dan membenarkan MAS menamatkan perkhidmatannya sekiranya ia enggan meletak jawatan.

Pada tahun 1991, MAS telah menamatkan perkhidmatan Beatrice selepas beliau mengandung dan enggan meletak jawatan. Beatrice memfailkan kes terhadap MAS dan memohon perintah deklarasi daripada mahkamah bahawa peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam perjanjian kolektif tersebut bersifat diskriminasi terhadap wanita dan oleh itu adalah tidak sah.

Beatrice telah tewas dalam kes beliau dari peringkat Mahkamah Tinggi sehingga Mahkamah Persekutuan.

Antara lain, Mahkamah Persekutuan telah menghadkan perlindungan saksama di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan kepada warganegara dalam kelas atau golongan yang sama sahaja. Menurut Mahkamah Persekutuan, golongan-golongan warganegara yang berbeza (dalam kes ini, golongan lelaki dan wanita) memerlukan layanan atau pendekatan yang berasingan.

Akan tetapi, Mahkamah Persekutuan gagal mengambil kira bahawa walaupun setiap orang dalam sesuatu golongan itu dilayan secara saksama, diskriminasi masih boleh berlaku terhadap keseluruhan golongan tersebut.

Oleh itu, peruntukan kesaksamaan jantina dalam Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan tersebut boleh dikatakan kurang berkesan untuk melindungi hak wanita.

2006 : Laporan kerajaan Malaysia kepada Jawatankuasa CEDAW

Pada bulan Mei 2006, kerajaan Malaysia telahpun menghantar rombongan untuk melaporkan status penguatkuasaan Konvensyen CEDAW kepada Jawatankuasa CEDAW yang bersidang di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

Setelah mendengar laporan kerajaan Malaysia, Jawatankuasa CEDAW telah mengesyorkan seperti berikut berkenaan dengan undang-undang kesaksamaan gender :-

1. bahawa Malaysia hendaklah memperbadankan peruntukan-peruntukan Konvensyen CEDAW dalam undang-undang Malaysia dan memastikan bahawa peruntukan-peruntukan ini dikuatkuasakan sepenuhnya;
2. bahawa Malaysia hendaklah memasukkan dalam undang-undang (“legislation”) kebangsaan takrif diskriminasi seperti yang terkandung dalam Konvensyen CEDAW, termasuk diskriminasi secara langsung dan tidak langsung;
3. bahawa Malaysia hendaklah mewujudkan dan menguatkuasakan undang-undang kesaksamaan gender menyeluruh yang mencerminkan kesaksamaan substantif antara lelaki dan wanita di arena umum dan persendirian kehidupan.

Pernyataan umum oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentang undang-undang kesaksamaan gender

Pada bulan Jun 2006, YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil telah mengumumkan bahawa kini telah sampai masanya untuk kerajaan Malaysia mempertimbangkan secara serius sama ada Malaysia memerlukan undang-undang kesaksamaan gender (“Gender Equality Act”), dan bahawa pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk memasukkan perkataan “jantina” dalam peruntukan kesaksamaan merupakan langkah pertama (The Star, 6 Jun 2006, m.s. N31).

YB Menteri turut menyatakan bahawa satu jawatankuasa khas telahpun ditubuhkan untuk membincang dan mengumpul pendapat daripada semua pihak yang berkenaan tentang kesesuaian “Gender Equality Act” di Malaysia. Menurut YB Menteri, jawatankuasa tersebut akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Faizah Mohd Tahir dan akan terdiri daripada wakil-wakil NGO, parti-parti politik, pertubuhan agama dan pertubuhan kerajaan lain yang berkenaan.

2007 : Status usaha berkenaan dengan undang-undang kesaksamaan gender di tahap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Pada bulan Februari 2007, Pusat Kesedaran Wanita, Pulau Pinang (Women's Centre for Change, Penang) telah menulis kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menanya tentang status jawatankuasa untuk mengkaji kesesuaian undang-undang (Akta) "Gender Equality" yang diumumkan oleh YB Menteri tersebut.

Pusat Kesedaran Wanita telah menerima surat jawapan bertarikh Mac 2007 daripada Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Faizah Mohd Tahir.

Dalam surat tersebut, kami difahamkan bahawa pihak Kementerian telahpun membentangkan satu kertas cadangan kepada Jawatankuasa Kabinet Kesaksamaan Gender pada 27 Julai 2006, supaya satu jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji kesesuaian mewujudkan undang-undang kesaksamaan gender di Malaysia.

Pihak Kementerian turut memaklumkan kami bahawa Jawatankuasa Kabinet Kesaksamaan Gender berpendapat bahawa tidak perlu diwujudkan undang-undang khusus mengenai kesaksamaan gender di Malaysia buat masa ini memandangkan undang-undang dan peraturan sedia ada memadai untuk menangani isu ketidaksamaan gender.

Kami juga diberitahu bahawa kerajaan pada masa ini telah dan sedang mengambil pelbagai inisiatif untuk mengurusperdanakan gender dalam dasar dan program kerajaan.

III. Sebab-sebab perlunya undang-undang kesaksamaan gender yang khusus

1. Kewajipan kerajaan Malaysia di bawah Konvensyen CEDAW

Perkara 2 Konvensyen CEDAW dengan jelasnya memperuntukkan bahawa negara-negara pihak hendaklah memperbadankan prinsip kesaksamaan antara lelaki dan perempuan dalam perlembagaan kebangsaan atau melalui undang-undang ("legislation") lain dan merealisasikan prinsip ini dari segi praktikal.

Jawatankuasa CEDAW prihatin bahawa walaupun Perkara 8(2) Perlembagaan telah dipinda untuk melarang pembezaan atas dasar jantina, peruntukan ini ditafsirkan secara terhad oleh Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

Jawatankuasa CEDAW juga prihatin bahawa di bawah sistem undang-undang di Malaysia, sesuatu suratcara antarabangsa seperti Konvensyen CEDAW yang diratifikasikan oleh kerajaan eksekutif tidak mempunyai kuasa undang-undang sehingga diluluskan sedemikian oleh Parlimen.

Oleh itu, Malaysia sebagai sebuah negara pihak kepada Konvensyen CEDAW mempunyai kewajiban untuk memastikan bahawa undang-undang kesaksamaan gender khusus yang mengandungi prinsip-prinsip dan peruntukan-peruntukan Konvensyen CEDAW diluluskan oleh Parlimen dan dikuatkuasakan di peringkat kebangsaan.

2. ***Undang-undang sedia ada semata-mata tidak mencukupi bagi melindungi hak wanita***

Walaupun kesaksamaan wanita di Malaysia boleh dikatakan diiktiraf secara formal dalam Perlembagaan Persekutuan melalui penambahan perkataan “jantina” dalam Perkara 8(2), pada hakikatnya, tafsiran peruntukan ini secara terhad oleh Mahkamah seperti yang berlaku dalam kes *Beatrice Fernandez v Sistem Penerbangan Malaysia* menjadikannya sukar bagi wanita untuk mendapatkan perlindungan yang penuh dan sewajarnya di bawah undang-undang utama Persekutuan, apatah lagi di bawah undang-undang lain.

Selain itu, masih terdapat beberapa aspek undang-undang di Malaysia di mana wanita mengalami diskriminasi, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, ataupun di mana hak dan kepentingan wanita gagal dilindungi dengan sepenuhnya. Contoh undang-undang sedemikian termasuk Kanun Keseksaan, Akta Keganasan Rumahtangga **dan ketiadaan undang-undang sedia ada untuk menangani masalah gangguan seksual (“sexual harassment”)**.

Misalnya, pernyataan-pernyataan seksis yang dibuat oleh YB Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) and YB Datuk Mohd Said Yusuf (BN-Jasin) terhadap YB Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) baru-baru ini boleh dikatakan sebagai satu bentuk “sexual harassment” dan juga bersifat diskriminasi terhadap wanita. Perbuatan sedemikian melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia, khususnya hak asasi wanita. Oleh itu, ia adalah satu contoh utama mengapa satu undang-undang khusus diperlukan untuk mempertahankan kesaksamaan gender dan untuk menangani diskriminasi terhadap wanita.

Pandangan dan cadangan kami tentang kesemua undang-undang ini telahpun dikemukakan kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Memorandum-Memorandum yang disediakan oleh Joint Action Group for Gender Equality (JAG)¹ setakat ini. Maklumat lanjut bolehlah diperolehi daripada laman web Pusat Kesedaran Wanita di www.wccpenang.org.

¹ **Joint Action Group for Gender Equality (JAG)** terdiri dari: Women's Development Collective (WDC), All Women's Action Society (AWAM), Women's Aid Organisation (WAO), Sisters In Islam (SIS), Women's Centre for Change, Penang (WCC), Malaysian Trade Union Congress – Women's Committee (MTUC).

JAG menghargai usaha kerajaan untuk meminda sesetengah daripada undang-undang tersebut. Namun demikian, setakat meminda undang-undang tanpa mewujudkan undang-undang kesaksamaan gender baru adalah tidak mencukupi, kerana kesaksamaan tidak hanya melibatkan penghapusan diskriminasi semata-mata, tetapi juga langkah-langkah positif untuk mencapai kesaksamaan sebenar bagi wanita termasuk pengarusperdanaan gender.

Tarikh : 18hb Mei 2007

Disediakan oleh :

KAREN LAI YU LEE

Pegawai Undang-Undang (Legal Officer)

Pusat Kesedaran Wanita, Pulau Pinang (Women's Centre for Change, Penang)